

## **PANDANGAN KAMI**

SETIAP ahli sukan dalam apa saja bidang mengharapkan kemenangan dalam pertandingan atau peraduan yang mereka sertai. Semangat untuk berjaya dan menjadi juara ini membuat sebahagian daripada mereka berlatih dengan tekun dan juga berkorban dari segi masa dan wang ringgit. Memang tidak sukar difahami mengapa kuat sekali semangat mereka untuk mencapai kemenangan itu. Kepuasan yang diraih daripada kejayaan sebagai orang terbaik dalam bidang masing-masing, sanjungan yang diberikan oleh para peminat dan berbagai sebab lagi, kuat sekali mendorong mereka untuk menjadi yang terbaik. Memang, orang biasanya hanya menyanjung dan mengingati pemenang atau juara, bukan naib johan.

## Erti dan kemurnian sukan

Tetapi keinginan yang kuat untuk menang itu kadang kala membuat setengah-setengah ahli sukan dan permainan lupa akan tujuan yang tidak kurang murninya dengan mencari orang yang terbaik daripada kalangan mereka — menyemai dan menyuburkan semangat persahabatan melalui sukan. Keghairahan untuk menempa nama dan persaingan yang terbit daripadanya itu kadang kala mengabui fikiran mereka, sama ada secara peribadi atau pasukan, sehingga mereka sanggup melakukan sesuatu yang bukan sahaja di luar susila kesukanan, malah bertentangan dengan tujuan menyemai persahabatan.

Dari masa ke masa kita membaca dan mendengar tentang ahli-ahli sukan dan olahragawan yang menggu-

nakan dadah untuk merangsang kekuatan. Tidak kurang juga berita tentang kekasaran dalam perlawanan bolasepak dan berbagai sukan berpasukan. Setengah-setengah orang mungkin menganggap tindakan dan sikap yang menyimpang daripada semangat sukan ini sebagai asam garam dalam arena sukan. Namun, oleh kerana pergeseran dalam pertandingan dan peraduan sukan boleh membawa kesan buruk di luar gelanggang persaingan, hal itu tidak harus dibiarkan. Kita harus mencari erti yang murni dalam bersukan. Dalam hubungan inilah kekecohan yang berlaku dalam Pesta Silat yang baru berlalu, walau apa jua puncanya, harus dielakkan pada masa-masa mendatang.

**25 AUG 1985** Berita Minggu